

KUIS RAIH LIMA PINGAT DI ITEX '10, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

Bername News | Siaran Akhbar | 17/05/2010

UNTUK PERHATIAN EDITOR, MEJA AM

BANGI, 17 Mei 2010 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah berjaya meraih lima pingat sempena Pameran Reka Gipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-21 (ITEX' 10) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kejayaan dua pingat emas, dua pingat perak dan satu gangsa itu merupakan pencapaian terbaik KUIS menerusi lima produk yang dipertandingkan.

Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr Aziuddin Ahmad gembira dengan kemenangan tersebut memandangkan ianya penyertaan pertama KUIS di ITEX.

Menurut beliau, penyelidik muda KUIS perlu diberikan galakan dan semangat untuk terus membangunkan produk-produk berinovasi tinggi dan kreatif.

"Lebih membanggakan ini adalah penyertaan pertama KUIS dan ternyata penglibatan KUIS yang merupakan satu-satunya kolej universiti di dalam pertandingan peringkat antarabangsa ini memberikan satu pendedahan keupayaan di bidang penyelidikan dan pembangunan.

"Ini membuktikan bahawa KUIS mempunyai bakat-bakat yang berpotensi membangunkan hasil kreativiti dan inovasi yang boleh dikomersilkan selaras dengan aspirasi negara, ujanya.

Pingat emas telah dimenangi KUIS menerusi hasil produk kreatif multimedia yang merupakan hasil kajian dan pembangunan pensyarah Fakulti Teknologi dan Sains Informasi, En Md Ridzal Md Yusof, iaitu Komik Digital yang mengadaptasi sejarah kegemilangan Islam di Andalusia.

Komik Digital Andalusia yang dibangunkan sebelum ini telah merangkul pingat emas di Malaysia Technology Expo 2010 (MTE2010) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra yang dianjurkan oleh Persatuan Saintis Penyelidik Malaysia (MARS) pada Februari lepas.

Bermula dengan geran sebanyak RM20,000 dari MSG Malaysia Intellectual Property Creators Challenge 2009 (IPGG2009) anjuran Multimedia Development corporation (MDEG) untuk membangunkan komik digital, konsep membaca komik berasaskan pembelajaran bergerak (mobilQ Learning) yang memfokuskan kepada kegemilangan Islam Andalusia hasil kajian beliau kini sudah mula mengharumkan nama KUIS.

Ternyata dengan persediaan yang lebih rapi untuk pertandingan kali ini, produk yang dihasilkan oleh En Khirulnizam Abd Rahman ini juga tidak ketinggalan menggunakan konsep pembelajaran bergerak (mobile learning) dengan menampilkan ciri-ciri kamus mudah capai melalui telefon pintar yang semakin menjadi pilihan pengguna khususnya pelajar.

Sementara itu, dua pingat perak pula dimenangi menerusi produk teknologi maklumat dan teLekomunikasi Andalusia Empire and Civilization Edutainment Game dan Islamic Mind Mapping (I-Map).

Manakala satu pingat gangsa adalah produk Anti-Theft Detection by using ROIF Technology yang masing masing di dalam kategori teknologi pendidikan dan aplikasi pejabat.

ITEX 2010 adalah majlis tahunan yang ke-21 dianjurkan bersama Malaysian Invention and Design Society (MINDS) yang merupakan badan terbesar di Malaysia yang mewakili individu, universiti dan badan korporat yang berminat untuk meneruskan kecemerlangan di dalam rekaan, kreativiti, penyelidikan dan pembangunan dan rekaan industri semenjak tahun 1989. ITEX2010 dengan bertemakan "Kreativiti: Laluan ke Ekonomi Inovatif" terus menyaksikan penglibatan dari sekolah, saintis dan penyelidik dari universiti tempatan, institusi penyelidikan, sektor korporat, pereka individu dan juga tidak ketinggalan penyertaan dari Russia, Iran, Korea, Taiwan, Thailand, Vietnam yang menyaksikan lebih daripada 650 rekaan dan ciptaan dari Lebih daripada 24 kategori produk industri.

ITEX2010 mendapat sokongan penuh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran di samping mendapat kerjasama dari beberapa organisasi utama di bidang inovasi seperti Organisasi Harta Intelek Dunia (WIPO) dan Pertubuhan Promosi Rekaan Korea (KIPA).

SUMBER: KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

UNTUK MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:

NAMA : NUR ADZLIN ISHAK

PENGURUS

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

BANDAR SERI PUTRA, 43600

BANGI, SELANGOR.

TEL : 03-89254251

